

## HARI MINGGU BIASA KE-7 (A)

Imamat 19:1-2. 17-18; Mazmur 102:1-4. 8. 10. 12-13. R/ v. 8; 1 Korintus 3:16-23  
Matius 5:38-48

### Tema: KITA HARUS MENGASIHI MELEBIHI DARI HUKUM

1. Hari ini adalah Hari Minggu Biasa ke-7 dalam Tahun Liturgi A. Bacaan-bacaan hari ini memberitahu kita bahawa kasih adalah roh hukuman dan kasih adalah penggenapan hukum! Itulah sebabnya mengapa kita harus mengasihi melebihi dari hukum! Bahkan Injil hari ini memberitahu kita untuk mengasihi melebihi dari hukum! Dengan itu kita baca dalam Injil hari ini:

(i) **“Siapa pun yang menampar pipi kananmu, berilah juga kepadanya pipi kirimu... (ii) Berilah kepada orang yang meminta kepadamu dan janganlah menolak orang yang mahu meminjam daripadamu.**

(iii) **Kasihilah musuhmu (buat baik pada mereka yang membencimu: NJB) dan berdoalah bagi mereka yang menganiaya kamu. Kerana dengan demikianlah kamu menjadi anak-anak Bapamu di surga, yang menerbitkan matahari bagi orang jahat dan orang yang baik dan menurunkan hujan bagi orang yang benar dan orang yang tidak benar... (iv) Kerana itu jadilah kamu sempurna sama seperti Bapamu di surga sempurna adanya.” (Mat 5:39. 42. 44-45. 48; SM)**

Iaitu, hendaklah kamu murah hati, sama seperti Bapamu adalah murah hati! (NJB; Luk 6:36)

2. Bacaan pertama menuruti tema Injil. Bacaan pertama memberitahu kita untuk menjadi kudus sama seperti Allah Tuhan kita adalah kudus! Iaitu, kita jangan membenci saudara kita, kita jangan berdendam dengan saudara kita, kita jangan mendengki saudara kita, melainkan, kita harus mengasihi saudara kita seperti kita mengasihi diri kita sendiri! (HCSB). Dengan itu kita baca dalam bacaan pertama:

**“Kuduslah kamu, sebab Aku, Tuhan, Allahmu, kudus.**

**Janganlah engkau membenci saudaramu di dalam hatimu. ... Janganlah engkau menuntut balas, dan janganlah menaruh dendam terhadap orang-orang sebangsamu, melainkan kasihilah sesamamu manusia seperti dirimu sendiri.” (Imamat 19:2. 17a. 18a; SM)**

Tetapi kasih persaudaraan juga bererti persaudaraan/pembetulan persaudaraan! (NJBC) Dengan itu kita baca dalam bacaan pertama:

**“Engkau harus berterus terang menegur orang sesamamu dan janganlah engkau mendatangkan dosa kepada dirimu kerana dia.” (Imamat 19: 17b; SM)**

3. Mazmur Antarbacaan menuruti tema Injil dan bacaan pertama. Mazmur antarbacaan juga memberitahu kita bahawa Tuhan adalah pengasih dan penyayang! Dengan itu kita menyahut empat kali:

**“Tuhan itu pengasih dan penyayang.” (Mzm 102(103):8; SM)**

Justru itu rangkap ketiga dan keempat Mazmur yang mana sahutan diambil dan yang mana memuji dan bersyukur kepada Allah atas pengasihan dan penyayang-Nya:

**“Tuhan itu pengasih dan penyayang, lambat akan marah dan penuh kasih setia. Ia tidak memperlakukan kita setimpal dosa kita, dan tidak membalas sepadan kesalahan kita.**

**Sejauh timur dari barat, sekian jauhlah dibuang-Nya kesalahan kita. Seperti seorang bapa yang sayang akan anaknya, demikianlah Tuhan sayang akan orang yang takwa” (Mzm 102(103):8. 10. 12-23; SM)**

4. Dalam bacaan kedua, Santo Paulus memberitahu umat di Korintus agar bersatu dalam Kristus dan di dalam Allah! Umat di Korintus adalah berbelahan, dengan sebahagian milik Paulus, sebahagian kepada Petrus dan sebahagian lagi kepada Apolos. (1 Kor 1:12)

Santo Paulus memberitahu mereka bahawa Paulus, Petrus dan Apolos adalah kepunyaan mereka. Paulus, Petrus dan Apolos adalah hamba mereka untuk melayani mereka; bahkan, seluruh ciptaan adalah hamba mereka untuk melayani mereka, supaya mereka menjadi milik Kristus dan Kristus kepunyaan Allah! (NJB)

Mereka dengan itu adalah bersatu dengan Kristus dan dalam Allah! Justru itu kita baca dalam bacaan kedua:

**“Dengan itu janganlah ada orang yang memegahkan dirinya atas manusia, sebab segala sesuatu adalah milikmu: bial Paulus, Apolos, maupun Kefas, baik dunia, hidup mahupun mati, baik waktu sekarang, mahupun waktu yang akan datang. Semuanya kamu punya. Tetapi kamu adalah milik Kristus dan Kristus adalah milik Allah..” (1 Kor 3:21-23; SM)**

5. Bacaan-bacaan hari ini memberitahu kita mengenai kasih dan kesatuan! Ini adalah dua tema terpenting Gereja. Gereja adalah komuniti segala komuniti cinta kasih dan kesatuan dan tanda sakramen penyelamatan kepada dunia!

Itulah sebabnya dalam pembaharuan Gereja kita membina komuniti-komuniti kecil cinta kasih dan perpaduan Kristian, seperti KED (Komuniti Eklesial Dasar), Komuniti Neo-Katekumenal, Kelompok Doa, Kumpulan Perkongsian Alkitab, dan Kumpulan Sokongan seperti AA (Alcoholic Anonymous [Penagih Alkohol tanpa nama]), NA (Narcotic Anonymous [Narkotik tanpa nama]), GA(Gambler Anonymous [Kaki Judi tanpa nama]), OA (Over-eater Anonymous [Makan berlebihan tanpa nama]), SA (Sex Addicts Anonymous [Ketagih Seks tanpa nama]), EA (Emotion Anonymous [Emosi tanpa nama]), dll., di mana kita kongsi dan berdoa secara pribadi dan rohani atas Alkitab, Bacaan Misa Kudus Mingguan, Katekismus Gereja Katolik, dan pengalaman pribadi dan rohani kita, dll.! Allah memberkati kamu. Amen!

**Cadangan soalan-soalan untuk renungan individu dan perkongsian dalam keluarga, dalam komuniti-komuniti kecil dan kumpulan-kumpulan kecil:**

**1.** Apakah kamu mengasihi seperti Allah mengasihi? Adakah kamu mengasihi orang lain seperti Allah mengasihi kamu? Adakah kamu mengasihi musuh kamu? Adakah kamu melakukan kebaikan terhadap orang yang benci kamu? Adakah kamu berdoa untuk mereka yang menganiayai kamu? Adakah kamu memberi kepada mereka yang meminta dari kamu? Adakah kamu meminjam kepada mereka yang meminta pinjaman?

**2.** Apakah Allah kamu Allah Hukuman atau adakah Allah kamu Allah cinta kasih, belas kasihan dan pengampunan? Apakah kamu mengasihi? Apakah kamu berbelas kasihan? Apakah kamu mengampuni?

**3.** Apakah ada kesatuan dan kasih sayang dalam Gereja kamu? Apakah ada kasih dan perpaduan dalam komuniti kamu? Apakah ada kasih sayang dan perpaduan dalam keluarga kamu?

**4.** Adakah perbelahan di dalam Gereja kamu? Adakah perbelahan dalam komuniti kamu? Adakah perbelahan di dalam keluarga kamu?

**5.** Apakah Gereja kamu/ Komuniti adalah tanda sakramen untuk penyelamatan dunia? Apakah Gereja / Komuniti kamu adalah suatu skandal untuk dunia? Bagaimanakah Gereja itu adalah tanda dan sakramentum penyelamatan untuk dunia! Bagaimanakah Gereja kamu skandal untuk dunia?

**6.** Apakah kamu mengasihi hanya pada jiran yang sama bangsa, agama dan kewarganegaraan?

**Fr. Nicholas Ong, Holy Trinity Catholic Church (HTCC), Tawau, Sabah, Malaysia,**

**Sumber: New Jerusalem Bible (NJB); HarperCollins Study Bible (HCSB); New Jerome Biblical Commentary (NJBC); Sunday Missal (SM).**